

Headline **Prejudice almost kill me, not AIDS**
Date **14 Aug 2011**
MediaTitle **Mingguan MStar**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Weekly**
Circ / Read **320,964 / 1,072,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **559 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,919**
PRValue **62,757**



Prejudis hampir bunuh saya, bukan AIDS!

MUKADIMAH

STIGMA dan diskriminasi berkaitan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) merujuk kepada sikap negatif, prejudis, gangguan dan layanan buruk yang ditujukan khas kepada golongan hidup dengan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) dan AIDS. Paling menyedihkan apabila golongan ini dipinggir keluarga sendiri, rakan-rakan sebaya apatah lagi komuniti di sekeliling.

Menurut sebahagian daripada mereka, layanan buruk turut berlaku di institusi perubatan yang menawarkan penjagaan kesihatan selain stigma menghantui anak-anak penghidap HIV/AIDS di sekolah. Malangnya, ini bukan sekadar menimbulkan isu kehilangan hak mereka sebagai manusia malah mengakibatkan kerosakan psikologi sehingga menjejaskan kemungkinan kejayaan rawatan dan ujian yang sedang dilalui.

Dalam usaha menangani masalah diskriminasi dan stigma yang berkait rapat dengan masyarakat umum secara keseluruhannya, *Mingguan mStar* membawakan laporan eksklusif dari perspektif Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) selain usaha pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Majlis AIDS Malaysia (MAC) dan kerajaan untuk memberi peluang ODHA menjalani kehidupan normal walaupun selepas diagnosis.

Oleh **DIYANA ROSE KAMALLUDEEN**

diyanarose@thestar.com.my

Foto **YAP CHEE HONG & NORAFIFI EHSAN**

HANCUR luluh hati si balu berusia lewat 20-an apabila mendapati pemergian suaminya secara tiba-tiba adalah disebabkan jangkitan HIV. Manakan Anu (bukan nama sebenar) sangka selepas terlantar akibat demam panas dan cirit-birit selama hampir dua bulan, Kumar pergi meninggalkan dia dan anak tunggal mereka yang baru masuk Darjah Satu.

Anu fikir dunia sudah kiamat. Selama dua tahun Anu berada dalam keadaan murung. Doktor mengesahkan dia juga dijangkiti

AIDS setelah dinasihati membuat ujian dan ketika itu juga Anu membuat keputusan menyerahkan anak tunggal kesayangannya di bawah jagaan ibu agar si kecil itu tidak perlu melihat kesengsaraan ibunya.

"Sebaik keluarga tahu, mereka langsung tidak boleh terima. HIV/AIDS merupakan satu hukuman mati pada pandangan mereka. Mereka sanggup membiarkan sahaja saya mati daripada membuang masa dan duit mencari jalan untuk mengubati saya.

"Anak tidak berada dengan saya ketika itu, jadi kesunyian dan diskriminasi daripada

keluarga membuatkan saya putus asa dengan diri sendiri dan lebih rela mati daripada menanggung kesengsaraan akibat penyakit ini," akunya sambil menitikkan air mata.

Tambah Anu lagi, sehinggalah pada akhir 2004 apabila dia hampir nazak, abangnya membawa dia berjumpa pakar di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan pada ketika itu barulah Anu tahu pakar tersebut adalah Prof Dr Adeeba Kamarulzaman (Presiden Majlis AIDS Malaysia dan Ketua Unit Kawalan Penyakit Berjangkit PPUM).

Dalam pada tahap kesihatannya semakin baik, ibu tunggal itu bagaimanapun terpaksa menempuhi pelbagai stigma dan prejudis daripada masyarakat di sekeliling. Malah diskriminasi sama turut dialami anak gadisnya yang sedang meningkat remaja.

"Bayangkan sebagai HIV positif, tidak banyak majikan ingin mengambil anda bekerja apatah lagi memberi anda kelonggaran untuk mendapatkan rawatan dan mematuhi waktu pengambilan ubat yang tepat. Bagaimana pula dengan tanggungjawab kerja dan sebagainya?"

"Tetapi saya cukup beruntung, majikan

saya sangat memahami malah meringankan bebanan tugas saya di pejabat apabila kesihatan saya semakin merosot. Pun begitu, saya masih dibebani masalah kewangan kerana perlu mengeluarkan sejumlah belanja untuk menanggung kos ubat yang tinggi," ujarnya lagi.

Pada satu tahap, kesihatan Anu semakin merudum. Berat badannya tinggal 28 kilogram dan anak perempuan tunggalnya dibawa menemani Anu tinggal di rumah perlindungan khusus untuk pesakit AIDS sepertinya bagi menjalani rawatan pemulihan.

Entah bila, Anu merasakan dia mula

Headline **Prejudice almost kill me, not AIDS**
Date **14 Aug 2011**
MediaTitle **Mingguan MStar**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Weekly**
Circ / Read **320,964 / 1,072,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **559 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,919**
PRValue **62,757**

diterima kembali oleh keluarganya apabila abang yang banyak membantu dirinya ketika dalam kesusahan berjaya menemukan keluarga mereka dengan pakar perubatan, kaunseling dan NGO untuk menyedarkan mereka tentang HIV/AIDS.

Hari ini, 10 tahun kemudian, Anu kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat tetapi masih dihantui stigma sama. Baru-baru ini sahaja, dia dihalau keluar dari rumah sewanya gara-gara 'kisah'nya itu disiarkan

sebuah media yang ditulis dalam corak penuh prejudis selain memaparkan gambarnya secara jelas tanpa melindungi identiti sebenar Anu.

"Tidak kira siapa pun, masih ramai prejudis kepada golongan yang hidup dengan HIV/AIDS kerana mereka tidak faham. Stigma itu berpunca daripada kurangnya pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap penyakit itu sendiri," tegas Anu yang kini membantu golongan sepertinya bangkit menempuhi kehidupan.

Selain bekerja sepenuh masa di sebuah institusi perubatan, Anu turut aktif mengendalikan program memperkasakan ibu tunggal yang hidup dengan HIV/AIDS dan program cuti sekolah berilmiah untuk anak-anak penghidap HIV bagi menguatkan semangat mereka untuk berdikari.



Ibu tunggal ini hampir tewas dalam perjuangan menentang HIV akibat diskriminasi keluarga sendiri.

Headline **Prejudice almost kill me, not AIDS**
Date **14 Aug 2011**
MediaTitle **Mingguan MStar**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Weekly**
Circ / Read **320,964 / 1,072,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **559 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,919**
PRValue **62,757**



Diskriminasi berlaku apabila masih ramai tidak faham sepenuhnya tentang AIDS.



Adam bergantung kepada fasilitator dan kumpulan sokongan untuk mengatur masa depannya selepas ini.